

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 4 MAC 2019**

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|--|--|
| 1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. | DATUK YAP YUN FOOK DILANTIK MENTOR PERTANIAN NEGARA, EKONOMI, UTUSAN SARAWAK -E1 YUN FOOK DILANTIK MENTOR UTAMA USAHAWAN MALAYSIA, ISU, BH -6 DATUK YAP YUN FOOK DILANTIK MENTOR PERTANIAN NEGARA, NEWS, UTUSAN BORNEO ONLINE -10 KENINGAU DIAMOND DIDAFTRAKAN SEBAGAI VARIETI NANAS TERBAHARU MALAYSIA, NEWS, UTUSAN BORNEO ONLINE -10 KENINGAU DIAMOND VARIETI NANAS TERBAHARU, EKONOMI, UTUSAN SARAWAK -E1 MODERN WAY TO GROW PINEAPPLES, SUPPLEMENT, SEE HUA DAILY NEWS (KUCHING) -S1 TIMBALAN MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI, NEWS, SINAR HARIAN (SELATAN) -38 322,000 FARMERS GIVEN FERTILISERS, DAILY EKSPRESS -ONLINE | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 9. | MARDI BANGUNKAN PEMBUNGKUS BOLEH DIMAKAN, STAIL, UTUSAN SARAWAK -2 | INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN (MARDI) |
| 10. | FAMA PAHANG BANTU USAHAWAN IKS, SENTRAL, SH -21 | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 11. | LPP SEDIA BANTU TANAMAN ALTERNATIF, CADANGAN TANAMAN ALTERNATIF, SH -10 | LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP) |
| 12. 13. 14. 15. 16. 17. 18. | PELANCONGAN TANI SUASANA DESA, MEGA AGRO, UM -28 PERTANIAN LESTARI, MEGA AGRO, UM -29 'CADANGAN TAK SESUAI', CADANGAN TANAMAN ALTERNATIF, SH -10 BINA PURI LANCAR THE VALLEY, BISNES, BH -28 GABUNGAN KUASA BIO, LAUTAN, BISNES SINAR, SH -6 MINISTRY TAKING STEPS TO ENSURE PADI FARMERS GET WATER, NATION, THE STAR -12 FARMERS HIT HARD BY DRY WEATHER, NEWS / NATION, NST -12 | LAIN – LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| | | | |
|------------|---|-------------|---------------------|
| Headline | Datuk Yap Yun Fook dilantik mentor pertanian negara | | |
| MediaTitle | Utusan Sarawak | | |
| Date | 04 Mar 2019 | Color | Full Color |
| Section | EKONOMI | Circulation | 37,981 |
| Page No | E1 | Readership | 113,943 |
| Language | Malay | ArticleSize | 630 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,228 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 9,685 |



Datuk Yap Yun Fook dilantik mentor pertanian negara

KENINGAU: Usaha pertanian tersohor Asia Prof Adjung Datuk Yap Yun Fook sekali lagi mengharumkan nama negeri Sabah dipantas negara apabila diberikan pengiktirafan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sebagai mentor utama usahawan Malaysia.

Kelua Setiausaha (KSU) Kementerian itu Datuk Mohd Sallehuddin Hassan berkata, Yap telah membuktikan kejayaan besarnya dalam industri pertanian dan perikanan dengan hanya berasaskan pengalaman.

"Yap berjaya membangunkan pebagai industri dalam tempoh 37 tahun meliputi pertanian, penternakan dan perikanan - kesemuanya berjaya.

"Kepakaran beliau (Yap) bukan di bilik darjah tetapi pengalaman di ladang - beliau (Yap) mengetahui setak-balok dalam industri ini," katanya ketika ditemui Bernama selepas menguati lawatan ke beberapa ladang yang disusunkan Yap di sini, semalam.

Mohd Sallehuddin berkata, bahawa Kementerian

ya akan menggunakan Yap untuk melahirkan usahawan-usahawan seperiunya di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Turut bersama dalam lawatan itu ialah Ketua Pengarah Pertanian Datuk Jamal Harizan Yang Razali dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (Pembangunan) Datuk Salim Parlan.

Yap merupakan penerima Malaysian Livestock Industri Award 2018, Panel Bengkel Hala Tuju Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Professor Adjung Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Anggota Majlis Penasihat Pertanian Malaysia.

Mohd Sallehuddin berkata, sebagai penasihat pertanian, peranan Yap sangat penting dalam menyediakan infrastruktur pertanian di negara ini.

Sebagai contoh daripada aspek perikanan, beliau (Yap) telah jauh lebih maju ke hadapan dalam pembangunan akuakultur ikan tilapia dan pelbagai spesies ikan air lawar di Keningau.

"Usaha yang beliau lakukan secara khusus dan terperinci belum ada dimana-mana di Malaysia - ia hanya satu-satunya di Keningau sekaligus memarlambakan Malaysia dipersedakan antarabangsa," katanya.

Pandangan Mohd Sallehuddin itu dikongsi oleh Jamal Harizan dengan berkata satu-satunya ladang bersepadu terbaik di negara ini berada di Bombei Keningau Sabah yang dimiliki oleh Yap.

"Yap menghasilkan ladang mesra alam - tidak ada pembaziran kerana kesemua buangan digunakan semua untuk kegunaan pembangunan sumber yang lain," katanya.

Jamal Harizan berkata, pendekatan yang diperkenalkan oleh Yap sepatutnya dikembangkan sebagai amalan ladang bersepadu terbaik di Malaysia.

"Saya sangat bersetuju untuk beliau (Yap) dijadikan mentor atau lebih tinggi daripada itu untuk memastikan sumber makanan di negara ini dihasilkan berkualiti dengan kos yang rendah," kata Jamal Harizan. - Bernama



JADI KEBANGGAAN ... Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Mohd Sallehuddin Hassan (kiri) terpegun melihat seekor ikan tilapia yang dibangunkan secara besar-besaran oleh usahawan tersohor Asia Prof (Adjung) Datuk Yap Yun Fook di Kampung Agudon Keningau Sabah ketika mengetuai lawatan ke biliterapi ladang yang diusahakan Yap di sini, semalam. Kolam akuakultur termoden itu mampu memuatkan berjuta-juta spesies ikan lawar termasuk tilapia, paku (thor) serta empurau. - Foto BERNAMA

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|---------------|---------|------------|
| 4/3/2019 | BERITA HARIAN | ISU | 6 |

Yun Fook dilantik mentor utama usahawan Malaysia

Keningau: Usahawan pertanian tersohor Asia, Prof Adjung Datuk Yap Yun Fook, sekali lagi mengharumkan nama Sabah di pentas negara, apabila diberikan pengiktirafan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sebagai mentor utama usahawan Malaysia.

Ketua Setiausaha kementerian itu, Datuk Mohd Sallehuddin Hassan, berkata Yun Fook sudah membuktikan kejayaan besarnya dalam industri pertanian dan perikanan dengan hanya berasaskan pengalaman.

"Beliau berjaya membangunkan pelbagai industri dalam tempoh 37 tahun meliputi pertanian, penternakan dan perikanan, semuanya berjaya.

Berpengalaman luas

"Kepakaran beliau bukan di bilik darjah tetapi pengalaman di ladang, beliau mengetahui selok-belok dalam industri ini," katanya yang ditemui selepas mengetuai lawatan ke ladang diusahakan Yun Fook di sini, semalam.

Mohd Sallehuddin berkata, kementeriannya akan menggunakan Yun Fook untuk melahirkan usahawan sepertinya di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Yun Fook adalah penerima Malaysian Livestock Industri Award 2018, Panel Bengkel Hala Tuju Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Prof Adjung Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Anggota Majlis Penasihat Pertanian Malaysia.

Mohd Sallehuddin berkata, sebagai penasihat pertanian, peranan Yun Fook sangat penting dalam menyediakan infrastruktur pertanian di negara ini.

"Sebagai contoh dari aspek perikanan, beliau jauh lebih maju dalam pembangunan akuakultur ikan tilapia dan pelbagai spesies ikan air tawar di Keningau.

"Usaha yang beliau lakukan secara khusus dan terperinci belum ada di mana-mana di Malaysia, ia hanya satu-satunya di Keningau, sekali gus memartabatkan Malaysia di per-sada antarabangsa," katanya. **BERNAMA**

| | | | |
|------------|--|-------------|------------|
| Headline | Datuk Yap Yun Fook dilantik mentor pertanian negara | | |
| MediaTitle | Utusan Borneo Online (http://www.utusanborneo.com.my/) | | |
| Date | 04 Mar 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 3 |
| Order Rank | 10 | Readership | |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 450 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,350 |

Datuk Yap Yun Fook dilantik mentor pertanian negara

BERJAYA: Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Mohd Sallehudin Hasan (kiri) terpegun melihat seekor ikan talapia yang dibangunkan secara besar-besaran oleh usahawan tersohor Asia Prof (Adjung) Datuk Yap Yun Fok di Kampung Ag...

To read the rest of the article, click **[View Full Article](#)**

| | | | |
|------------|---|-------------|------------|
| Headline | Keningau Diamond didaftarkan sebagai varieti nanas terbaharu Malaysia | | |
| MediaTitle | Utusan Borneo Online (http://www.utusanborneo.com.my/) | | |
| Date | 04 Mar 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 3 |
| Order Rank | 10 | Readership | |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 450 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,350 |

Keningau Diamond didaftarkan sebagai varieti nanas terbaharu Malaysia

USAHAWAN: Mohd Sallehudin (tiga, kanan) menunjukkan varieti Keningau Daimon yang akan didaftarkan sebagai nanas kebangsaan terbaru. — Gambar Bernama

KENINGAU: Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Mohd Sallehudin Hassan ha...

To read the rest of the article, click **[View Full Article](#)**

| | | | |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline | Keningau Diamond varieti nanas terbaharu | | |
| MediaTitle | Utusan Sarawak | | |
| Date | 04 Mar 2019 | Color | Full Color |
| Section | EKONOMI | Circulation | 37,981 |
| Page No | E1 | Readership | 113,943 |
| Language | Malay | ArticleSize | 479 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,455 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 7,364 |



Keningau Diamond varieti nanas terbaharu



BAHARU — Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia Datuk Mohd Sallehuddin Hassan (tengah kanan) menunjukkan varieti Keningau Diamond yang akan didaftarkan sebagai nanas kebangsaan terbaharu. Nanas yang mengandungi ciri-ciri morfologi pokok dan biji yang manis ketika mentah itu dibangunkan secara komersial oleh usahawan tersohor Asia Prof (Adjung) Datuk Yap Yun Fook (tengah kanan) di Ladang Bomboi Keningau. Turut berada ketika pengumuman pendaftaran itu ialah Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Datuk Salim Parlan (dua kiri) dan Ketua Pengarah Kementerian Pertanian Malaysia Datuk Jamil Horizan Yang Razali Nanan). • Foto BERNAMA

KENINGAU: Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Mohd Sallehuddin Hassan senakan mengumumkan pendaftaran baharu sejenis spesies nanas yang dikenali sebagai 'Keningau Diamond'.
Kalanya, nanas yang dihasilkan usahawan tersohor Prof Adjung Datuk Yap Yun Fook di Ladang Bomboi Keningau itu, merupakan varieti nanas kebangsaan terkini, selepas AC1 Mavis, AC2 Sarawak, AC3 Grandul, AC4 Maspin, AC5 Jasinpin, AC6 Yanke, AC7 Moris Gajah, AC8 N36, AC9 MD2, AC10 View of Sunset dan AC11 Madu Kaca.

"Ya memang akan didaftarkan dan kita kenali nanas itu sebagai Keningau Diamond kerana ia dihasilkan di sini (Keningau). Varieti ini akan dibawa ke peringkat lebih jauh dari Sabah iaitu hingga ke Semenanjung Malaysia dan juga antarabangsa," kalanya kepada Bernama di sini, semalam.
Mohd Sallehuddin berkata, selepas didaftarkan, Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) akan mempromosikan varieti terbaharu itu ke luar negara, sama seperti nanas kebangsaan sedia ada.
Menurutnya, kemunculan varieti Keningau Diamond

yang dibangunkan secara komersial di Keningau memberi keyakinan kepada negara untuk mencapai sasaran keluaran nanas yang lebih agresif.
"Kita sangat optimis dengan harapan ini, dengan melihat sumbangan daerah Keningau menerusi Datuk Yap Yun Fook yang sangat besar dalam industri nanas ini."
"Kemampuan beliau (Yap) dalam industri ini (pembangunan nanas komersial) sangat kuat — kementerian sangat berbangga dengan usaha beliau," kalanya.
Dalam pada itu, Yap berkata terdapat perbezaan ciri-ciri morfologi pokok dan

buah nanas Keningau Diamond terutama isinya yang sangat manis ketika mentah, yang meletakkan nanas itu sangat istimewa dan digemari semua lapisan pengguna.
Statistik LPNM mencatatkan seluas 13,433 hektar tanaman nanas di seluruh negara ini dengan nilai pengeluaran RM610 juta dengan 434,811 metrik tan nilai eksport mencecah RM206 juta setahun.
Agensi itu menyasarkan nilai eksport nanas negara meningkat kepada RM320 juta pada tahun 2020 berdasarkan varieti-varieti komersial di pasaran luar negara. — Bernama



USAHAWAN MUDA — Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof (dua kiri) beramah mesra bersama usahawan muda ketika melawat gerai pameran pada Majlis Perasmian Penutup Kurniva Usahawan Muda Selangor 2019 di Stadium Malawati Shah Alam semalam. • Foto BERNAMA

| | | | |
|------------|-------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Modern way to grow pineapples | | |
| MediaTitle | See Hua Daily News (Kuching) | | |
| Date | 04 Mar 2019 | Color | Full Color |
| Section | Supplement | Circulation | 64,990 |
| Page No | S1 | Readership | 194,970 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 329 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,689 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 11,066 |



電腦計算水分肥料 現代化方式種黃梨

东盟农企业发展有限合作社主席杨子庆说，从西马柔佛州进口MD2黄梨苗，每株价格是2令吉30仙。除了果苗、各种手续才是最麻烦的步骤，手续复杂，要引进并不容易，所以他欢迎本地的农民，未来可以向该合作社购买幼苗。

他说，该园是采取现代化的农耕法种植黄梨，以电脑计算出黄梨所需的水分及肥料，智慧型处理种植手法。以农耕统计，一个工人可以应付大约4亩地，所以十多亩地仅需3个工人。

他说，在浇水方面，是从附近一个大型水塘取水，以现代化浇水方式，引水施肥。该合作社要做的是，不仅种黄梨采鲜果，更要花心思去照顾“下一代”，即黄梨苗。

他说，平均一棵成熟的黄梨树，摘果后可以长出至少1株幼苗，目前引进的24万株幼苗，黄梨成熟时就是迎来近百万株幼苗的时刻。

計劃一年落實種黃梨

李督李景胜表示，该合作社成员前年与副首长兼农业部部长道格拉斯前往国外考察农产品，届时将邀请副首长前来为全砂最大的MD2黄梨种植园举行开幕礼。

该合作社是在2017年11月与副首长前往国外考察。去年，美

里农耕公会在奥园酒店召开特别会议，商讨如何经营合作社一事，并在去年11月20日成功注册东盟农企业发展有限合作社，短短一年之内计划就落实。

李景胜说，该合作社不仅朝向落实全砂最大的MD2品种黄梨的种植园计划进行，更迈向现代化、机械化的农耕科技前进，将来更希望成为砂拉越MD2黄梨苗的供应园圃，以及模范黄梨园。



MD2品种黄梨



东盟农企业发展有限合作社引进万株MD2黄梨苗，大事种植优质黄梨。李景胜巡视黄梨园后，与主席杨子庆(右2)等人在幼苗前合影。

| | | | |
|------------|---|-------------|--------------------|
| Headline | Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani | | |
| MediaTitle | Sinar Harian (Selatan) | | |
| Date | 04 Mar 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 160,000 |
| Page No | 38 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 62 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 434 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,303 |



4 Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin (kanan) bersama Exco Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Sembilan, Bakri Sawir melihat dari dekat kupang yang ditanak etika melawat model ternakan kupang di Jeti Nelayan Pasir Panjang.



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|----------------|---------|------------|
| 4/3/2019 | DAILY EKSPRESS | ONLINE | |

322,000 farmers given fertilisers



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

PUTRAJAYA: A total of 322,000 farmers nationwide have been provided with urea fertilisers for the first planting season 2018/2019, said the Agriculture and Agro-based Industry Ministry (MOA).

In a statement Saturday, the Ministry said the supply was given after it obtained special approval from the Ministry of Finance (MOF).

“MOA is aware of the needs of farmers and has provided various aid and incentives, including fertilisers, to improve the quality of their padi fields to help them get better crop yield,” it said.

On the supply of additional NPK fertiliser, it said the Ministry was still working to get the MOF’s approval, which involved a supply of 26,000 metric tonnes of the fertiliser.

| | | | |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline | Mardi bangunkan pembungkus boleh dimakan | | |
| MediaTitle | Utusan Sarawak | | |
| Date | 04 Mar 2019 | Color | Black/white |
| Section | STAIL | Circulation | 37,981 |
| Page No | 2 | Readership | 113,943 |
| Language | Malay | ArticleSize | 618 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,023 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 6,069 |



Mardi bangunkan pembungkus boleh dimakan

PASUKAN penyelidik Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI) berjaya membangunkan bahan pembungkusan makanan boleh dimakan bersama makanan

yang terdapat di dalamnya. Pegawai Penyelidik Pusat Penyelidikan Teknologi Makanan MARDI, Dr Siah Watt Moey berkata, projek penyelidikan itu bermula pada

2012 dengan pasukannya terdiri daripada pegawai penyelidik lain, Zainah Adzaly dan dibantu oleh tiga pembantu. Beliau berkata selepas setahun bekerja pada projek

itu, pasukan itu berjaya menghasilkan filem yang boleh dimakan untuk pembungkusan makanan yang mesra alam. "Kami membangunkan beberapa jenis pembungkus daripada bahan menialah berbeza seperti rumpai laut, kanji ubi kayu, sagu, kilosan dan beras yang boleh digunakan sebagai alternatif kepada plastik konvensional," katanya kepada pemberita.

Dr Siah menjelaskan, pembungkus berkenaan boleh dimakan terus bersama makanan yang dibungkus dan sekiranya tidak dimakan ia boleh dibuang dan akan larut sepenuhnya dalam air panas.

"Berbanding plastik konvensional yang mengambil masa beratus tahun untuk degradasi, filem-filem ini larut sepenuhnya dalam air panas kurang daripada seminit," katanya.

Tambahnya, kini pasukannya turut membangunkan pembungkus yang boleh digunakan sebagai uncang leleh atau kopi segera, serbuk perisa untuk mi segera, gula-gula dan sarapan bijirin.

"Filem tersebut boleh bertindak sebagai pembungkus kiub perisa, kuih dodol, kuih ketayap, dan juga boleh bertindak sebagai pelatip antara makanan bagi roti canai sejuk beku atau daging burger



TIMBALAN Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Sim Tze Tzin (tengah) memerhatikan filem pembungkus boleh dimakan yang dihasilkan daripada rumpai laut oleh Food Science Technology Research Centre, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) yang ditunjukkan oleh ketua penyelidik pusat berkenaan Dr Siah Watt Moey (kanan) pada Program AgriInvest Siri Satu 2019. Turut sama Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan) MARDI Dr Kamariah Long (kiri) dan Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan negeri Pulau Pinang Dr Alif Bahardin (dua, kiri). - Bernama

untuk mengelakkan makanan daripada melekal ketika membeku," katanya.

Begaimanapun, Siah berkata, filem pembungkus itu boleh ditambah baik dengan menambahkan warna atau perisa untuk membeni nutrisi tambahan kepada menambah nilai filem.

Beliau berkata pada masa ini, filem itu hanya dihasilkan dalam skala makmal untuk

penggunaan dalam sahaja. "Kami ingin menjemput industri terutamanya pengeluar pembungkusan plastik untuk bergabung dengan kami supaya filem ini dapat dihasilkan secara komersial," katanya.

Terdahulu, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Sim Tze Tzin melancarkan program AgriInvest Siri Satu 2019 anjuran MARDI bertujuan memadankan peser-

ta industri dengan teknologi MARDI bagi membangunkan bank data industri berkaitan dengan teknologi pangkalan data dan mangalakkan teknologi baru dibangunkan oleh MARDI untuk industri ini.

Siri pertama AgriInvest itu menarik 150 peserta dari pelbagai syarikat dan peserta industri dengan 10 teknologi dibenamkan semasa sesi perbincangan. - Bernama



DR Siah Watt Moey menunjukkan filem pembungkus pelbagai warna yang dihasilkan daripada rumpai laut pada Program AgriInvest Siri Satu 2019. Filem pembungkus itu diwarnakan dengan menggunakan daun pandan, daun telag dan kunyit yang lebih mesra alam. Filem pembungkus yang dihasilkan oleh MARDI boleh dimakan dan mesra alam berbanding dengan pembungkus plastik yang kini di pasaran mengandungi bahan toksik yang memudaratkan alam sekitar. - Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|--------------|---------|------------|
| 4/3/2019 | SINAR HARIAN | SENTRAL | 21 |

FAMA Pahang bantu usahawan IKS

KUANTAN- Bimbingan teknik pemasaran yang diberikan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pahang dapat membuka lebih peluang perniagaan kepada usahawan kecil dan sederhana (IKS) di negeri ini.

Bagi usahawan yang mengusahakan produk makanan, Afidah Kamalrudin, 35 berkata, sokongan FAMA mampu membuka ruang lebih luas terhadap perniagaan yang telah diusahakan.

Menurutnya, dia menghasilkan produk kuah pecal dan belulang kulit lembu, sejak lima tahun lalu mengakui teknik yang didehalkan FAMA mampu beri pendapatan lebih mereka.

"Kalau produk yang berkualiti tetapi tidak ada teknik jualan

dan promosi dilakukan dengan sempurna, ia tidak akan berhasil.

"Jadi, kualiti pembungkusan, tulisan dan warna pada kotak juga memainkan peranan utama bagi menarik minat pelanggan mendapatkan produk yang berada di pasaran.

"Bila FAMA beri pendedahan kepada usahawan IKS terhadap usaha perlu dilakukan bagi memastikan produk dikeluarkan mendapat permintaan menggalakkan," katanya ketika ditemui pada Majlis Penutup Kursus Strategi Pemasaran Melalui Pembungkusan, Perlabelan dan Penjenamaan, di Hotel Chatayana, semalam.

Majlis itu disempurnakan Timbalan Pengarah (Pemba-

ngunan) FAMA Pahang Norazmin Fitri Abdul Aziz.

Kursus dua hari itu disertai 35 peserta terdiri daripada usahawan pelbagai produk di negeri ini.

Sementara itu, Hamidah Mohd Yatim, 49, pula berkata, penggunaan media sosial antara teknik pemasaran yang berkesan untuk aktiviti penjualan.

"Saya menjual puyuh sejuk beku dengan cara jualan terus kepada pelanggan selain pesanan menggunakan media sosial yang dianggap mudah dan cepat.

"Jadi, kursus dua hari disertai banyak mengajar saya cara meluaskan pasaran, pembungkusan, pelabelan dan promosi yang akan menjadi penentu kejayaan dalam perniagaan," katanya.



Norazmin Fitri (tiga, kanan) bersama sebahagian daripada 35 usahawan yang menyertai Kursus Strategi Pemasaran Melalui Pembungkusan, Perlabelan dan Penjenamaan di Hotel Chatayana.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|--------------|-----------------------------|------------|
| 4/3/2019 | SINAR HARIAN | CADANGAN TANAMAN ALTERNATIF | 10 |

LPP sedia bantu tanaman alternatif

KUALA LUMPUR - Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) sedia memberikan kepakaran untuk tanaman alternatif kepada kelapa sawit terutama di kawasan Felda dan Felcra.

Pengerusinya, Datuk Mazlan Aliman berkata, Felda mempunyai rizab tanah luas dan boleh diusahakan untuk tanaman baharu dengan tempoh hasil tuaian singkat.

“Melalui kerjasama LPP dan agensi berkaitan, kita akan cuba bangunkan tanaman baharu, bagi mengurangkan kebergantungan kepada sawit.

“Sebagai contoh, apabila Felda melakukan tanaman semula, ia ambil masa tiga tahun untuk membuah hasil. Mengapa tidak kita tanam tanaman lain yang hasilnya boleh dituai dalam masa tiga hingga empat bulan,” katanya kepada Astro AWANI.

Mazlan berkata, gabungan kepakaran dimiliki LPP dan rizab tanah luas dimiliki Felda akan mampu menjayakan hasrat kerajaan itu.

“Kita akan mulakan projek perintis ini di Felda Sungai Tengi, Selangor sebelum bulan puasa ini,” katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|-----------------|-----------|------------|
| 4/3/2019 | UTUSAN MALAYSIA | MEGA AGRO | 28 |



Pelancongan tani suasana desa

ABDUL ADZIZ HASSAN mengabadikan kenangan di salah sebuah inap desanya yang terletak di Hulu Langat, Selangor.



MENITI arus pemodenan ketika ini, aktiviti pertanian yang merangkumi penternakan, perladangan, perikanan dan sebagainya tidak lagi hanya untuk meraih pendapatan daripada hasil tanaman atau ternakan semata-mata. Sebaliknya, petani atau penternak moden kini semakin bijak mencari peluang dan memperluaskan aktiviti pertanian kepada satu tahap yang lebih tinggi. Sektor itu kian mengalami transformasi dan berkembang kepada subsektor yang mampu menjana sumber ekonomi lain melalui aktiviti pelancongan atau lebih dikenali sebagai agro

Oleh **INTAN SUHANA CHE OMAR**
Intansuhanaomar@gmail.com



pelancongan.

Bukan sahaja mampu menambah pendapatan petani, ia juga dapat memberikan pendedahan kepada orang ramai mengenai aktiviti pertanian secara dekat terutama kepada generasi muda.

Itulah yang dilakukan oleh Nur Farm Agro, sebuah syarikat perladangan berasaskan penternakan yang terletak di Hulu Langat, Selangor turut menjalankan aktiviti pertanian secara agropelancongan sejak 11 tahun yang lalu.



INAP desa yang disediakan berkonsepkan kampung dengan pendingin hawa untuk keselesaan pengor



ANTARA kemudahan yang disediakan di inap desa Nur Farm Agro untuk membolehkan pengunjung menikmati suasana kampung yang sebenar.



g tradisional Melayu turut dilengkapkan.

Bukan sahaja menjalankan projek penternakan kambing dan penanaman pokok, syarikat itu juga memiliki beberapa buah inap desa khas untuk pengunjung yang mahu meluangkan masa bermalam dan merasai suasana kampung di tanah ladang tersebut.

Menurut pengasasnya, Abdul Adziz Hassan, 64, agropelancongan yang disediakan dapat menjadi platform untuk menentang industri perladangan dan penternakan kambing di negara ini terutamanya kepada generasi muda.

Katanya, anak muda terutama murid-murid sekolah perlu diberi pendedahan awal mengenai aktiviti perladangan dan penternakan agar dapat memberi pengetahuan kepada mereka seawal usia.

"Budak-budak sekarang tidak ramai yang mengenali spesies pokok buah-buahan. Jadi, kita mahu menyediakan satu kemudahan yang boleh menjadi tempat untuk mereka belajar mengenali pokok."

"Setakat ini Alhamdulillah, Little Caliph sudah hampir 12 kali membawa murid-muridnya membuat lawatan dan banyak mereka belajar mengenai pokok-pokok dan haiwan ternakan di sini," ujarnya.

Selain itu, tambahnya, dia mahu mengubah stigma sesetengah masyarakat yang menganggap penternakan merupakan suatu pekerjaan yang kotor, malah kandang kambing sendiri sering dianggap

INFO

Nur Farm Agro

- Dibuka sejak 2006 di Hulu Langat, Selangor.
- Mempunyai 100 ekor biri-biri dan 20 ekor kambing.
- Tujuh buah inap desa bercirikan tradisional.
- Pelbagai jenis pokok buah-buahan.
- Kolam ikan untuk aktiviti memancing.
- Pemenang Anugerah Peladang Jaya Selangor 2013.

sebagai satu tempat yang busuk.

"Di sini saya memang menjaga kebersihan kandang dengan begitu baik untuk mengurangkan bau-bau yang tidak menyenangkan.

"Kita hendak tunjukkan kepada pengunjung yang datang ke sini bahawa kandang kambing itu tidak semestinya busuk.

Jika diuruskan dengan baik dan betul, ia tidak menjijikkan pun seperti yang disangka," katanya yang mendapat ilham membangunkan konsep farmstay daripada percutiannya di New Zealand lima tahun lepas.

Oleh itu jelasnya, tempat berkenaan akan menjadi lebih mesra pengguna atau 'public friendly' untuk menjadi sebuah destinasi agropelancongan yang ideal.

Pertanian lestari

MENGGUNAKAN setiap peluang yang ada dengan sepenuhnya, Abdul Adziz turut menjalankan pertanian secara lestari bagi mengelakkan pembaziran. Berbekalkan minat yang ada dan ilmu mengenai pertanian ketika menuntut di Universiti Putra Malaysia (UPM) suatu ketika dulu digunakan sebaiknya untuk menghasilkan aktiviti pertanian bersepadu (*integrated farming*).

Oleh itu, selain mempunyai ternakan biri-biri dan kambing serta pokok buah-buahan, dia turut menghasilkan baja organik dan campuran tanah tanamannya sendiri. "Saya pastikan setiap aktiviti penternakan dan pertanian yang saya lakukan tidak sia-sia. Bermula daripada penternakan

kambing, tinjanya saya gunakan untuk buat baja.

"Baja organik itu kemudiannya digunakan untuk tanam pokok yang kemudiannya pokok itu dijual di pasar tani setiap hari Sabtu yang boleh mendatangkan pendapatan. Malah, baja dan tanah campuran juga kami jual," jelasnya.

Bagi perancangan masa depan, dia bercadang membuka fasiliti latihan pertanian di kawasan tanah ladang tersebut yang terbuka kepada sesiapa saja berminat mempelajari ilmu pertanian.

Mengingat kampung halamannya di Seri Menanti, Negeri Sembilan, Abdul Adziz memilih suasana desa ketika merangka idea membina rumah penginapan di ladang kambingnya.



ANTARA aktiviti yang paling digemari Abdul Adziz Hassan adalah memberi makan kambing dan biri-biri yang sangat menggemari roti.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|--------------|-----------------------------|------------|
| 4/3/2019 | SINAR HARIAN | CADANGAN TANAMAN ALTERNATIF | 10 |

'Cadangan tak sesuai'

PONTIAN - Cadangan agar pekebun kecil mencuba tanaman lain seperti nanas bagi menggantikan kelapa sawit berikutan ketidakpastian harga dilihat kurang sesuai kerana kedua-dua jenis tanaman itu sangat berbeza.

Pekebun nanas, Abdul Rahman Ahmad, 53, berkata, kelapa sawit adalah tanaman komoditi yang ditanam di kawasan luas dan mempunyai jangka hayat lebih 20 tahun, manakala nanas pula dituai hasilnya dalam tempoh 15 bulan dan memerlukan penjagaan rapi.

"Nanas tidak seperti kelapa sawit, hanya boleh ditanam di tanah gambut dan perlu dijaga rapi untuk elak rumput dan serangga yang menghalang pembesaran buah.

"Kelapa sawit bukan setiap bulan perlu dibaja, sebab itu ia jadi tanaman pilihan pekebun kerana tidak perlukan penjagaan rapi seperti menanam nanas," katanya, semalam.



Abdul Rahman menunjukkan nanas yang ditanam di Ayer Baloi Pontian.

Menurutnya, jika nanas hendak diusahakan sebagai tanaman gantian kepada kelapa sawit, aspek pemasaran perlu diberi perhatian terlebih dahulu.

Sementara itu katanya, dia memerlukan sekurang-

kurangnya RM30,000 untuk menanam nanas di atas tanah seluas satu ekar.

"Harga sepokok anak nanas RM2 dan untuk tanam satu ekar nanas perlukan 15,000 hingga 20,000 anak pokok nanas," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|---------------|---------|------------|
| 4/3/2019 | BERITA HARIAN | BISNES | 28 |

Bina Puri lancar The Valley

➔ Projek komuniti pertanian 647.5 hektar babit kos RM152.7 juta

Oleh Azzman Abdul Jamal
azzman@bh.com.my

Bina Puri Holdings Bhd (Bina Puri) melancarkan projek hartanah komuniti pertanian yang dikenali The Valley dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM152.7 juta.

Pengarah Eksekutif Kumpulannya, Datuk Matthew Tee, berkata projek seluas 647.5 hektar dibahagikan kepada empat zon pembangunan dengan 243 hektar disediakan untuk pembangunan rumah ladang dinamakan sebagai The Kerau Fasa 1 dan Fasa 2.

Katanya, 91 hektar tanah itu adalah pembangunan ladang durian oleh Karak Spring Sdn Bhd, manakala 175 hektar untuk tanah tandi pegangan pajak dan baki 137 hektar untuk pembangunan pada masa hadapan.

"Kami membeli tanah ini pada 2013 dan pelancaran The Kerau Fasa 1 diadakan pada Disember 2016 dengan tawaran 158 lot. Kami berjaya mencapai jualan 70 peratus dalam tempoh enam bulan.

"Berikutan sambutan tinggi, kami membuka Fasa 2 merangkumi 138 lot dengan harga jualan RM5.88 hingga RM8.09 kaki persegi. Kini status jualan The Kerau Fasa 1 sudah mencapai 91 peratus manakala 32 peratus untuk Fasa 2.

Cash crop, ladang durian

"Selain itu, untuk projek tanaman cash crops dan ladang durian, kami sudah menanam 2,600 pokok untuk Fasa 1 membabitkan 40 hektar, manakala 2,500 pokok sudah ditanam untuk Fasa 2. Hasil pertama dijangka dalam tempoh lima hingga enam tahun," katanya pada majlis pelancaran The Valley di Bentong, kelmarin.

Majlis itu dilancarkan Menteri Industri Utama, Teresa Kok dan turut dihadiri Pengerusi Bina Puri Holdings Bhd (Bina Puri), Tan Sri Ir Wong Boon Meng dan Ahli Parlimen Bentong, Wong Tack.

Mengulas lanjut, katanya, kemudahan sedia ada pada projek itu merangkumi club house, perhid-



Teresa merasmikan The Valley di Bentong, kelmarin.

matan dan infrastruktur utama seperti jalan dan longkang, bekalan air, elektrik dan perkhidmatan keselamatan 24 jam.

Penuhi pasaran

"The Valley disasar untuk mewujudkan komuniti pertanian untuk memenuhi permintaan pasaran tempatan dan luar terhadap rumah ladang.

Fakta nombor

4 ZON

pembangunan The Valley

"Pembangunan ini membuka peluang perniagaan baharu perniagaan, terutama durian Musang King untuk pasaran tempatan dan luar.

"Kami percaya, The Valley akan memberi inspirasi kepada pemaju hartanah lain untuk meningkatkan komuniti pertanian, sekali gus menyumbang kepada aktiviti hiran pertanian," katanya.

(FOTO EIZAIRI SHAMSUDIN / BH)

Gabungan kuasa bio, lautan

BAJA DDR BIO GROW BANTU PETANI HASILKAN TANAMAN MAPAN

HASRAT mahu bantu petani dan mengangkat industri pertanian ke tahap mapan, usahawan terkenal, Datuk Dr Che Rozmey Che Din menghasilkan baja bio, DDR Bio Grow iaitu kombinasi kuasa bio dan lautan yang dihasilkan menerusi penyelidikan serta kajian saintifik teknologi terkini.

Rozmey berkata, penghasilan DDR Bio Grow turut menyokong usaha kerajaan yang memfokuskan meningkatkan hasil pertanian dan makanan sekali gus mengukuhkan ekonomi petani serta meningkatkan sektor pertanian. Menurutnya, DDR Bio Grow adalah baja polimer yang diekstrak daripada kulit udang dan cangkering ketam menerusi teknologi biosains dan fasiliti makmal terkini.

"Idea menghasilkannya teretus apabila melihat sektor pertanian yang dijalanakan oleh golongan petani berusia dan muda. Mereka berdepan masalah padid dan hasil pertanian disebabkan pelbagai faktor antaranya tanah, serangan serangga, siput perosak dan tikus," katanya. Melihat kepada permasalahan itu, Rozmey bekerjasama dengan rakannya seorang pakar kimia dalam polimer bagi menghasilkan baja yang dapat membantu petani meningkatkan hasil pertanian.

"Kami ambil masa lama untuk proses pembangunan dan penyelidikan bagi penghasilan baja ini. Pada peringkat permulaan, ia diberikan kepada rakan terdekat untuk mengujikannya. Selepas melihat kesannya, kami mula



DDR Bio Grow juga boleh digunakan untuk tanaman cil.

luaskan pasaran.

"Pasaran baja ini dipromosikan dari mulut ke mulut dalam kalangan petani yang telah menggunakannya. Dari situ pengguna baja ini terus meningkat dari masa ke masa," katanya.

Bahan mentah digunakan seperti hasil lautan di peroleh daripada pembekal tempatan dari utara Malaysia.

Komposisi dan formulasi

Rozmey berkata, menerusi kajian dijalankan mendapati kuasa bio mampu membantu menjadikan tanah subur dan gembur serta kaya dengan organik dan bakteria yang baik. "Ia memberikan peluang hasil tanaman tinggi, perkembangan buah dan tanaman memuask, menggalakkan akar lebat, serapan air dan baja yang efektif, tanaman sihat dan hijau serta pembesaran tanaman cepat," katanya.

Tambahnya, kuasa tambahan yang mempunyai asid humik & NPK dan trace element membantu meningkatkan kadar serapan nutrien, memperbaiki

nilai pH tanah, membekalkan sumber nutrien yang lengkap dan memperbaiki hasil tanaman serta meningkatkan hasil tanaman daripada 30 peratus hingga 100 peratus.

"Selain penggunaan kuasa bio, baja ini turut mengandungi hasil lautan iaitu kitosan dan rumpai laut sebagai pendorong pembesaran dengan meningkatkan pemecahan sel-sel tumbuhan bagi merangsang pertumbuhan dan pembesaran lebih baik selain mempercepatkan peringkat proses fotosintesis.

"Pertahanan dan sistem imunisasi tumbuhan dengan memperbaiki keupayaan daya pertahanan terhadap jangkitan kuman dan serangan serangga serta penggalak tumbuhan dan perkembangan hasil buah dengan peningkatan keupayaan serapan unsur nutrien dalam tanaman," katanya.

Bellau berkata, baja ini kaya dengan NPK (unsur utama) dan trace element (unsur surih) yang membantu membentuk pertumbuhan akar dan penyerapan nutrien dalam tanah, kaya dengan PGR (plant growth regulator), penggalak



Rozmey bersama DDR Bio Grow yang digunakan petani di utara Malaysia.

| Tempat | Keuntungan | Keuntungan Per Hektar (Dijumlahkan dengan Keuntungan Lain) |
|-------------------------|--|--|
| 1 Minggu Sebelum Tanam | 200ml campur 1.6L air sembur pada tanah sawah, 6 pem 1.6L untuk 1 ekar (Kawasan Tanah) | |
| 15-30hari selepas tanam | 100ml campur 1.6L air sembur pada daun, 6 pem 1.6L untuk 1 ekar | |
| 30-45hari selepas tanam | Baja Ultra atau NPK | |
| 45-55hari selepas tanam | 200ml campur 1.6L air sembur pada daun, 6 pem 1.6L untuk 1 ekar | |
| 50-55hari selepas tanam | Baja NPK | |

Cara penggunaan baja untuk tanaman padi.

dan pembesaran tumbuhan.

"Ia juga membantu percambahan biji benih dan pembesaran tanaman serta meningkatkan daya pertahanan pokok terhadap cuaca dan serangan penyakit. DDR dibangunkan untuk semua jenis tanaman, tanah, mencegah ancaman bakteria, virus, fungus, serangga dan haiwan perosak. "Selain itu, ia juga merawat serangan penyakit bermula daripada akar, batang hingga hasil. Ia juga mengurangkan kos baja dan rawatan pokok serta meningkatkan pendapatan petani," katanya. .

Sambutan memberangsangkan

Walaupun masih baru dalam pasaran, DDR Bio Gro terima sambutan memberangsangkan dalam kalangan pesawah.

"Kami memasarkan produk DDR Bio Grow pada awal tahun ini dan menerima maklum balas positif daripada pesawah dan petani sayur-sayuran serta buah-buahan tempatan. Setakat ini penggunaan baja ini adalah 200 relung melibatkan 60 hektar atau 30,976 kaki persegi keluasan sawah padi. "Antara respon diterima ialah,

pesawah mendapat hasil padi sebanyak 80 peratus daripada 0.3 hektar (1 relung) bersamamaan 2.3 metrik tan hingga 2.5 metrik tan. Sebelum ini, hasil padi adalah 1.3 tan metrik hingga 1.5 metrik sahaja," katanya.

Rozmey berkeyakinan, penggunaan baja tersebut membantu meningkatkan hasil pertanian terutamanya di kawasan Kudat, Pandang, Kedah dan menjangkakan ia akan dipertuakan ke beberapa negeri dalam masa terdekat.

"DDR Bio Grow juga digunakan oleh petani yang mengusahakan tanaman betik, pisang dan nenas. Ia juga sesuai digunakan untuk tanaman getah, kelapa sawit, durian, kelapa dan cilik.

"Syarikat juga dalam proses rundingan untuk bekerjasama dengan beberapa agensi kerajaan bagi memperluaskan penggunaan DDR Bio Grow dalam kalangan petani di negara ini," katanya.

Tambahnya, DDR Bio Grow didatangkan dalam saiz 1 liter bagi kegunaan 1.3 hektar sawah semusim (RM65) dan 4 liter untuk kegunaan berkeluasan 0.9 hektar.



Penggunaan baja DDR Bio Grow meningkatkan hasil padi kepada 80 peratus pada musim ini.

Ministry taking steps to ensure padi farmers get water

KOTAKINABALU: Efforts are being made to ensure that Kota Belud district gets enough water supply for the next padi farming season, State Agriculture and Food Industry Minister Datuk Junz Wong said.

He said with the district presently facing water supply shortage, and Kota Belud being one of Sabah's padi producing areas, it was important that the matter was resolved.

"We are taking steps to ensure that Kota Belud padi farmers get enough water supply before the next planting season which is in a few months' time," he said yesterday.

Wong said the current dry spell was expected to continue until April.

It was reported that some parts of Kota Belud had not experienced rainfall for almost a month.

"I understand the situation experienced by the farmers. Although the drought is something beyond our control, we are finding ways to alleviate their plight," he said.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|-------------------|---------------|------------|
| 4/3/2019 | NEW STRAITS TIMES | NEWS / NATION | 12 |



Children playing in a pool of water in a parched padi field in Kampung Sanghir, Kota Belud yesterday. PIX BY KHAIRULL AZRY BIDIN

DROUGHT

FARMERS HIT HARD BY DRY WEATHER

Rice fields have cracked from lack of water for almost one month

SUZIANAH JIFFAR
KOTA BELUD
cnews@nstp.com.my

THE prolonged dry weather in Sabah is affecting farmers in the district.

Checks at Kampung Tempasuk 2 and Kampung Sanghir here revealed that rice fields had cracked from lack of water due to the scorching heat for nearly a month now.

Several farmers have expressed fears that if the hot weather persisted, it would do more damage to the rice fields and affect rice yields.

Stephanie Tiapa, 41, from Kam-



Stephanie Tiapa



Rohaya Sabri

pung Rinig, Tempasuk 2, said she started planting for the new season last month and was facing the prospects of poor yields.

The mother of three children, who worked a rice field of about one hectare, said it was a challenge to get enough water, espe-

cially during the dry season.

"I hope the hot weather does not continue, so that it won't affect farmers like me," she said.

Another farmer, Rohaya Sabri, 28, said the drought could cause the surface of rice fields to crack. "If it is damaged, it will be hard-

er to replant. However, our problems in this area are not just during the dry seasons, but also on ordinary days (including when it rains)."

Kota Belud Integrated Agricultural Development Area director Salmah Labulla said the hot weather was affecting the farmers, which was made worse by receding river water because there was no rain.

"If the hot weather persists until next month, my advice to farmers is to delay padi replanting in the area until normal weather returns.

"This includes irrigating the rice fields using mobile pumps, especially in areas where new planting has started," she added.

Salmah said usually during hot weather, farmers were advised to do other work, such as cleaning and doing repair work while waiting for better weather conditions.